

KAJIAN PREVALENS HIPERTENSI DI KALANGAN ORANG MELAYU DI KUALA SELANGOR

OSMAN ALI
RAMPAL KRISHNA G.
SYARIF HUSSIN LUBIS

SUMMARY

A study was carried out to study the prevalence of hypertension amongst rural Malays living in two villages in Kuala Selangor district. Simple random sampling of households was carried out and all members 15 years and above were examined. Out of 359 persons examined, 92 (25.6%) had hypertension. A significant increase in prevalence was observed with increasing age and in smokers. Prevalence rates did not differ significantly in the two sexes and with income. Only 38 of the hypertensives were known cases. It was found that 78.7% of them had been detected within less than five years and 81.6% had undergone medical treatment. It is proposed that preventive programmes in hypertension be introduced in rural health services and a national prevalence survey be conducted.

PENDAHULUAN

Dimasa ini penyakit kardiovaskuler merupakan penyebab utama kematian di hospital-hospital kerajaan di Malaysia. Dilihat dari statistik vital terdapat

Osman Ali, MD UKM
Rampal Krishna G, MBBS Agra, MPH B' kok
Syarif Hussin Lubis, MD Medan, MPH John Hopkin
Public Health Department
Faculty of Medicine
Universiti Kebangsaan Malaysia
Kuala Lumpur

peningkatan angka kematian oleh penyakit kardiovaskuler dari 3% daripada semua kematian pada tahun 1965 ke 20% pada 1976 (Medically Certified and Inspected deaths, vital Statistics, Peninsular Malaysia). WHO Expert Committee on Arterial Hypertension telah mendapati 8 – 18% dari populasi dewasa dikebanyakan negara menghadapi hipertensi. Beberapa kajian sebelum ini di Malaysia telah mendapati prevalens hipertensi yang tinggi dikalangan orang Melayu iaitu sebanyak 25%¹ dan 14.7%.² Memandangkan tingginya prevalens hipertensi dikalangan orang Melayu (menurut kajian yang dahulu) dan majoriti masyarakat Melayu berada di luar bandar, maka kajian ini dilakukan untuk mendapat gambaran sebenar penyakit hipertensi dikalangan orang Melayu.

METODOLOGI

Dalam kajian ini dua buah kampung telah dipilih di Kuala Selangor iaitu Kampung Ujong Permatang dan Kampung Sungai Terap. Ia dipilih kerana 95% dari penduduknya berbangsa Melayu dan berhampiran dengan pekan Kuala Selangor. Sebanyak 126 buah rumah dari 441 buah dipilih secara 'simple random sampling' dan kesemua ahli rumah yang berumur 15 tahun dan lebih diperiksa tekanan darahnya.

Menurut piawaian WHO 1978,³ bacaan tekanan darah 140/90 dan kurang dikira normal, 140/90–159/94 mmHg sebagai hipertensi 'borderline' dan bacaan sistolik 160 mmHg dan/atau diastolik

95 mmHg dan lebih diambil sebagai hipertensi, tanpa mengira umur. Dalam kajian ini hipertensi diambil sebagai sistolik lebih dari 140 dan diastolik lebih dari 90 mmHg tanpa mengira umur, maka hipertensi 'borderline' menurut WHO diambil sebagai kes hipertensi dalam kajian ini.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Dari 359 sampel yang diperiksa tekanan darahnya 92 atau 25.6% telah didapati menghidapi hipertensi (ini termasuk pesakit hipertensi yang sedang menerima rawatan). Prevalens ini jauh lebih tinggi dari yang didapati di Selangor pada 1980, dimana prevalens hipertensi dikalangan orang Melayu adalah 14.7%.² Walau bagaimanapun, kajian yang dilakukan terhadap orang Melayu yang datang ke hospital desa di Changkat Melintang, Perak sebanyak 25% menghidapi hipertensi.¹ Kalau dibandingkan dengan etnik lain di Malaysia (Cina dan India), prevalens hipertensi dikalangan orang Melayu adalah lebih tinggi dari kedua etnik seperti yang dilaporkan di atas. Jika dibandingkan dengan kaum Zulus di Afrika prevalens hipertensi hanya 10.5%.⁴ Ini menunjukkan masalah hipertensi dikalangan orang Melayu lebih besar dari beberapa bangsa di dunia ini.

Prevalens Hipertensi Menurut Umur dan Jantina

Dari Tabel I, didapati perbezaan bermakna antara prevalens hipertensi dengan peningkatan umur pada batas kemaknaan 0.05. Terdapat 5.3% hipertensi diantara golongan yang berumur 15-24 tahun, 8.9% pada 25-34 tahun, 37.9% pada 35-44 tahun dan pada golongan berumur lebih dari 65 tahun 55.9% didapati menghidapi hipertensi. Dikalangan populasi Barat, tekanan sistolik dan diastolik akan meningkat pada kedua-dua jantina apabila umur bertambah.⁵ Dalam kajian ini prevalens hipertensi pada lelaki melebihi dari perempuan iaitu 28.4% pada lelaki dan 23.7% pada perempuan (Tabel II). Walau bagaimanapun, tidak ada perbezaan bermakna antara prevalens hipertensi dengan jantina.

Prevalens Hipertensi Menurut Pendapatan

Pada golongan berpendapatan kurang dari \$300.00, 25.0% menghidap hipertensi, sedangkan 26.5% dari

TABEL I
PREVALENS HIPERTENSI MENURUT UMUR

Umur	Bilangan diperiksa	Hipertensi	
		Bilangan	Peratus
15 -	114	6	5.3
25 -	45	4	8.9
35 -	58	22	37.9
45 -	51	17	33.3
55 -	57	24	42.1
>65	34	19	55.9
Jumlah	359	92	25.6

$$\chi^2_5 = 66.7; P < 0.01.$$

TABEL II
PREVALENS HIPERTENSI MENURUT JANTINA

Jantina	Bilangan diperiksa	Hipertensi	
		Bilangan	Peratus
Lelaki	148	42	28.4
Perempuan	211	50	23.7
Jumlah	359	92	25.6

$$\chi^2 = 1.00034; P < 0.3.$$

TABEL III
PREVALENS HIPERTENSI MENURUT PENDAPATAN

Pendapatan	Jumlah diperiksa	Hipertensi	
		Bilangan	Peratus
300	223	56	25.1
300	136	36	26.5
Jumlah	359	92	25.6

$$\chi^2 = 0.08; P < 0.70.$$

golongan berpendapatan lebih dari M\$300.00. Tetapi tiada kaitan bermakna antara prevalens hipertensi dengan pendapatan (Tabel III).

TABLE IV
PREVALENS HIPERTENSI MENURUT
TABIAT MEROKOK

Pendapatan	Jumlah diperiksa	Hipertensi	
		Bilangan	Peratus
Merokok	109	40	36.69
Tidak Merokok	250	52	20.80
Jumlah	359	92	25.6

$$\chi^2 = 10.06; P < 0.01$$

Prevalens Hipertensi Menurut Tabiat Merokok

Dari 359 peserta, 109 atau 30.4% didapati merokok. Pada Tabel IV, kita dapati 36.7% yang merokok menghidap hipertensi, sedangkan yang tidak merokok 20.8%.

Pada batas kemaknaan 0.05, didapati terdapat kaitan bermakna antara prevalens hipertensi dengan tabiat merokok.²

Taburan Kes Pengetahuan Rawatan Hipertensi

Dalam kajian ini, dari 92 kes hipertensi, 54 kes adalah kes yang baru ditemui tanpa gejala dan keluhan. Dari 38 kes yang lama, 19 kes (50%) mengetahui telah menghidap penyakit ini dalam tempoh kurang dari tiga tahun, 28.9% dalam tempoh tiga-lima tahun, 7.9% dalam enam-sembilan dan 13.2% lebih dari 10 tahun. Ini kemungkinan disebabkan oleh adanya kemudahan kesihatan yang lebih baik disamping adanya pendidikan kesihatan dan kesedaran dikalangan penduduk.

Dari segi pengetahuan, 83.6% penduduk di sini, pernah mendengar tentang darah tinggi melalui media massa dan kakitangan kesihatan. 73% darinya berpendapat yang penyakit ini disebabkan oleh banyak makan garam dan 21.8% disebabkan oleh obesiti. 50.5% pula berpendapat pening kepala merupakan tanda awal dari penyakit ini.

Pada kes-kes lama hipertensi, 81.6% mendapatkan rawatan dari kakitangan kesihatan. 7.9% dari bomoh

dan selainnya tidak mengambil apa-apa rawatan. Dari kes-kes yang mendapatkan rawatan kakitangan kesihatan 43.4% masih mempunyai tekanan darah yang tidak terkawal, 74.2% masih pergi untuk rawatan lanjutan, 3.2% tidak pergi lagi mendapatkan rawatan seterusnya kerana setelah lama berubat, tekanan darahnya masih tidak terkawal dan 22.6% tidak pergi kerana mendapat tahu yang tekanan darahnya sudah terkawal.

CADANGAN

Memandangkan prevalens yang tinggi dikalangan orang Melayu di Malaysia, maka langkah-langkah pencegahan harus diutamakan dalam program kesihatan di luar bandar. Faktor-faktor penyebab harus dikenalpasti dalam kajian-kajian akan datang, mengapa prevalens hipertensi tinggi dikalangan orang Melayu. Suatu kajian prevalens diperingkat kebangsaan haruslah dilakukan untuk mendapatkan gambaran sebenar masalah hipertensi di Malaysia.

PENGHARGAAN

Ucapan terima kasih kepada mahasiswa tahun lima yang telah bertungkus lumus dalam pengumpulan data dan menemuduga responden. Juga pada kakitangan-kakitangan Jabatan Kesihatan Masyarakat terutama Ketua Jabatan, Dr Hanafiah Mohd. Salleh yang turut sama memberi kerjasama melicinkan perjalanan survei. Akhirnya pada Puan Hajjah kerana menaip laporan ini dengan tekun dan sabar.

RUJUKAN

- ¹Volp U T E. Hypertension a health problem in Malaysia. *Bull Public Hlth Soc.* 1976; 6: 59-55.
- ²Kandiah N, Rampal Lekhraj, et al. A community-based study on the epidemiology of hypertension in Selangor. *Med J Malaysia* 1980; 34: 211-220.
- ³World Health Organisation Expert Committee. *Arterial hypertension* Wld. Hlth. Org. Techn. Rep. Ser. 628, 1978: 8-14, Geneva.
- ⁴Seedat Y K, Hackland D B, et al. The prevalence of hypertension in rural Zulul. A preliminary survey. *South African Med J* 1981; 60: 7-10.
- ⁵Amery A, Harrison L, et al. Hypertension in the elderly. *Acta Med Scandinavia* 1981; 210: 221-229.